

CNS7227

U GB 11-07 00204 BH444

BAH

PERGAU: KERAJAAN AKAN RUJUK KEPADA PEGUAM NEGARA

Mahathir - Pergau

KOTA TINGGI, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa beliau akan merujuk tindakan kerajaan Kelantan menghalang menteri-menteri pusat melawat Projek Hidro-elektrik Pergau kepada Peguam Negara untuk memastikan sama ada tindakan itu menyalahi undang-undang.

Semasa diminta mengulas laporan tindakan kerajaan negeri itu, Dr Mahathir berkata, beliau bukan pakar dalam soal undang-undang dan oleh itu akan merujuk perkara berkenaan kepada Peguam Negara.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak mempunyai maklumat rasmi mengenai tindakan kerajaan Kelantan itu melainkan mengikutinya di dalam akhbar.

Mengenai rundingan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Kelantan, Perdana Menteri menegaskan bahawa sebarang rundingan tidak boleh dilakukan dalam keadaan yang tertekan.

+Jika sesuatu rundingan dijalankan kerana takut pada tekanan, maka rundingan itu tidak akan menghasilkan sesuatu yang baik dan adil,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan skim perumahan pekerja Ladang Tunjuk Laut, milik PKENA, dekat sini.

Kerajaan Kelantan mengeluarkan arahan melarang menteri-menteri Pusat masuk ke kawasan projek hidro-elektrik Pergau di Jeli, berkuatkuasa serta-merta pada Khamis lepas. Berikutan itu, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S. Samy Vellu terpaksa membatalkan rancangan untuk melawat projek itu. -- Lagi.

▼11/07/18-07MST

CNS7228

U GB 11-07 00172 BH445

BAH

Mahathir - Pergau 2 Kota Tinggi

Di MARANG, Terengganu, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba pula berkata, tindakan Kerajaan Kelantan menghalang menteri-menteri Pusat melawat projek hidro-elektrik itu akan dibincangkan Kabinet sebelum satu tindakan diambil mengenainya.

Beliau berkata, ia mungkin dibincangkan jemaah menteri pada mesyuarat Kabinet di Kuala Terengganu Rabu ini sempena lawatan Perdana Menteri ke Terengganu selama satu minggu.

+Sebarang tindakan hanya boleh diputuskan jemaah menteri... saya satu orang tak boleh buat keputusan kerana ia melibatkan wang yang banyak dan satu perkara yang besar melibatkan banyak pihak,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Marang.

Menurutnya, kerajaan pusat perlu mendengar dan mengkaji kenyataan daripada Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Tenaga Nasional dan Peguam Negara secara terperinci sebelum memutuskan sebarang bentuk tindakan yang sesuai.

+Kita tengok keadaan... kalau PAS terus menghalang tak adalah projek. Jika ada kerjasama adalah projek seterusnya di Kelantan,+ katanya apabila ditanya tindakan kerajaan pusat sekiranya kedua-dua pihak gagal mencapai penyelesaian berhubung perkara itu. -- Lagi.

▼11/07/18-09MST

CNS7231

U GB 11-07 00168 BH446

BAH

Mahathir - Pergau 3 Kota Tinggi

Ghafar berkata, tindakan Kerajaan Kelantan terhadap projek itu boleh menjejaskan potensi perkembangan perindustrian di Pantai Timur.

Menurutnya, pampasan yang dituntut Kerajaan Kelantan boleh menaikkan kadar tarif bayaran elektrik dan ia mungkin mengurangkan minat pelabur daripada mendirikan kilang di Kelantan.

Di BANDAR MUADZAM SHAH, Pahang pula, Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pampasan \$90 juta yang diminta Kerajaan Kelantan berhubung projek empangan hidro-elektrik itu tidak disebut langsung dalam dokumen terbaru yang diterimanya dari Tenaga Nasional.

Semasa ditanya pemberita selepas merasmikan Mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Rompin, beliau berkata, ada sesuatu yang tidak kena apabila kerajaan PAS memintanya menandatangani perjanjian agar kerajaan pusat menjelaskan bayaran pampasan sebanyak itu.

Katanya, berdasarkan dokumen terbaru yang diterimanya daripada Tenaga Nasional, tidak timbul langsung soal pampasan \$90 juta yang diminta itu.

Bagaimanapun, Anwar enggan untuk menjawab soalan lanjut mengenai projek itu tetapi sekadar berkata bahawa beliau akan mengeluarkan kenyataan penuh mengenainya tidak lama lagi. -- Lagi.

▼11/07/18-13MST

CNS7233

U GB 11-07 00117 BH447

BAH

Mahathir - Pergau 4 (Akhir) Kota Tinggi

Beliau yakin masalah itu akan dapat diselesaikan dengan baik sebagaimana kerajaan berjaya menyelesaikan masalah Sabah Gas tidak lama dulu, dan menambah kata walaupun rundingan mengenainya memakan masa, tetapi lambat laun dapat diselesaikan juga.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar memberitahu pemberita di KUALA KUBU BAHARU, Selangor bahawa beliau akan menemui polis Kelantan Selasa ini berhubung dengan isu projek hidro elektrik itu.

Katanya, beliau akan mendengar penjelasan dan kedudukan sebenar isu tersebut daripada Ketua Polis Negeri, Penolong Kanan Pesuruhjaya Haji Rahmat Ahmad.

Beliau juga mengesahkan bahawa setakat ini tiada sebarang laporan polis dibuat berhubung isu itu. -- Bernama.

▼11/07/18-17MST